



سورهنجاي قرحدماتن عوام نكري
قيراق دار الرضوان.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**
E-5-2, E-6-2, MENARA SSI
SOHO 2, JALAN SULTAN IDRIS SHAH
30000 IPOH, PERAK

Tel : 05 - 254 0615
Faks : 05 - 242 2239
Web : spa.perak.gov.my
E-mel : spa@perak.gov.my

Bil. (17) dlm. SPA.Pk 358A/257

Tarikh: // Mac 2016

YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan
(u.p. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

YB Pegawai Kewangan Negeri
Pejabat Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan

YB Dato' /Tuan,

**GARIS PANDUAN KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KAKITANGAN
AWAM DI NEGERI PERAK**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Suruhanjaya Bil.4/2016 telah meneliti dan bersetuju untuk mengguna pakai Garis Panduan Kaedah Penetapan Gaji Permulaan berdasarkan Peraturan 23 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Perak Darul Ridzuan (Pk.P.U.11/2013) seperti berkepil untuk makluman dan rujukan pihak Y.B. Dato' Tuan.
3. Segala perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' /Tuan di dalam perkara ini amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI JAMRY BIN HAJI SURY)

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Perak Darul Ridzuan.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

GARIS PANDUAN

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KAKITANGAN AWAM DI NEGERI PERAK

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan memaklumkan kaedah yang digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak (selepas ini disebut "Suruhanjaya") dalam menetapkan gaji permulaan kakitangan awam Negeri Perak yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya [Peraturan 23 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Perak (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2013] yang dirujuk sebagai "PK.P.U.11/ 2013" selepas ini.

DEFINISI

2. Penetapan Gaji Permulaan adalah proses untuk memutuskan mata gaji masuk pegawai yang memohon mendapatkan mata gaji yang lebih tinggi daripada gaji yang ditawarkan berdasarkan kepada kelulusan akademik, kemahiran khusus atau pengalaman kerja pegawai yang berkaitan dengan jawatan yang disandangnya.

LATAR BELAKANG

3. Suruhanjaya sering mendapat persoalan dan menerima banyak permohonan daripada pegawai (khususnya yang baru dilantik) untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi daripada gaji yang ditawarkan berasaskan pelbagai faktor. Suruhanjaya turut menerima rayuan yang berulang bagi mempertimbangkan permohonan yang tidak berjaya diluluskan.

4. Surat edaran ini diharap akan menjadi panduan kepada pemohon-pemohon berhubung kaedah yang digunapakai oleh Suruhanjaya dalam menetapkan gaji permulaan kakitangan awam Negeri Perak, berasaskan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa berkaitannya.

PERATURAN YANG BERKUATKUASA

5. Suruhanjaya semasa mempertimbangkan permohonan akan merujuk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa sebelum memutuskan gaji permulaan seseorang pemohon, bersesuaian dengan kelulusan akademik, kemahiran khusus atau pengalaman kerja pemohon yang berkaitan dengan jawatan yang disandangnya.

6. Sumber asas rujukan Suruhanjaya adalah berpandukan kepada Peraturan, Pekeliling dan/atau Surat Pekeliling semasa, khususnya PK.PU11/2013, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP2/2008) berhubung Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) serta Peraturan-peraturan Dalaman / Amalan (*ruling*) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia yang diterimapakai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

7. Garis panduan ini terpakai kepada pemohon yang dilantik secara tetap dan kontrak ke dalam perkhidmatan awam Negeri Perak Darul Ridzuan.

8. Rujukan utama penetapan gaji permulaan ke atas pegawai tetap adalah Peraturan 23 PK.PU11/2013 manakala kaedah menetapkan gaji permulaan pegawai kontrak dirujuk kepada Peraturan 39 sehingga Peraturan 46, PP2/2008.

9. Syarat asas untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi daripada gaji yang ditawarkan adalah tertakluk kepada kekuatan faktor pertimbangan / justifikasi berserta dokumen sokongan yang lengkap dan diperakukan oleh Ketua Jabatan / pegawai penyelia) yang dikemukakan oleh pemohon dalam surat permohonannya.

10. Faktor-faktor utama pertimbangan Suruhanjaya adalah:

- (i) Perjawatan yang sama, pengalaman yang relevan dan bermanfaat demi melancarkan kelangsungan tugas baru beliau di jabatan / agensi yang ditempatkan;
- (ii) Berasaskan kelayakan gaji yang telah ditetapkan oleh Skim Perkhidmatan yang berkaitan.

11. Walauapapun, garis panduan dan contoh pengiraan yang dikepil di **LAMPIRAN A** merupakan peraturan umum dan Suruhanjaya akan meneliti permohonan kes-kes khusus secara berasingan, tertakluk kepada justifikasi permohonan yang dikemukakan tersebut .

13. Suruhanjaya hanya akan meneliti dan mempertimbangkan permohonan-permohonan lengkap yang diterima daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak **dalam tempoh satu (1) tahun** daripada tarikh lantikan pemohon.

14. Semua dokumen sokongan yang disertakan hendaklah diperakukan oleh Ketua Jabatan berserta ulasan sokongannya.

KEPUTUSAN PERMOHONAN

15. Sekiranya terdapat rayuan ke atas keputusan Suruhanjaya, hanya satu (1) kali sahaja permohonan rayuan boleh dipertimbangkan semula **dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat keputusan permohonan** dengan syarat rayuan tersebut disertakan bersama justifikasi tambahan yang jelas dan berasas.

16. Keputusan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya adalah **MUKTAMAD**.

TARIKH KUATKUASA

17. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2016.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI JAMRY BIN HAJI SURY)

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tarikh: 11 Mac 2016



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

GARIS PANDUAN

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KAKITANGAN AWAM DI NEGERI PERAK

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan memaklumkan kaedah yang digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak (selepas ini disebut "Suruhanjaya") dalam menetapkan gaji permulaan kakitangan awam Negeri Perak yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya [Peraturan 23 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Perak (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2013] yang dirujuk sebagai "PK.P.U.11/ 2013" selepas ini.

DEFINISI

2. Penetapan Gaji Permulaan adalah proses untuk memutuskan mata gaji masuk pegawai yang memohon mendapatkan mata gaji yang lebih tinggi daripada gaji yang ditawarkan berdasarkan kepada kelulusan akademik, kemahiran khusus atau pengalaman kerja pegawai yang berkaitan dengan jawatan yang disandangnya.

LATAR BELAKANG

3. Suruhanjaya sering mendapat persoalan dan menerima banyak permohonan daripada pegawai (khususnya yang baru dilantik) untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi daripada gaji yang ditawarkan berasaskan pelbagai faktor. Suruhanjaya turut menerima rayuan yang berulang bagi mempertimbangkan permohonan yang tidak berjaya diluluskan.

4. Surat edaran ini diharap akan menjadi panduan kepada pemohon-pemohon berhubung kaedah yang digunapakai oleh Suruhanjaya dalam menetapkan gaji permulaan kakitangan awam Negeri Perak, berasaskan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa berkaitannya.

PERATURAN YANG BERKUATKUASA

5. Suruhanjaya semasa mempertimbangkan permohonan akan merujuk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa sebelum memutuskan gaji permulaan seseorang pemohon, bersesuaian dengan kelulusan akademik, kemahiran khusus atau pengalaman kerja pemohon yang berkaitan dengan jawatan yang disandangnya.

6. Sumber asas rujukan Suruhanjaya adalah berpandukan kepada Peraturan, Pekeliling dan/atau Surat Pekeliling semasa, khususnya PK.PU11/2013, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP2/2008) berhubung Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) serta Peraturan-peraturan Dalaman / Amalan (*ruling*) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia yang diterimapakai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

7. Garis panduan ini terpakai kepada pemohon yang dilantik secara tetap dan kontrak ke dalam perkhidmatan awam Negeri Perak Darul Ridzuan.
 8. Rujukan utama penetapan gaji permulaan ke atas pegawai tetap adalah Peraturan 23 PK.PU11/2013 manakala kaedah menetapkan gaji permulaan pegawai kontrak dirujuk kepada Peraturan 39 sehingga Peraturan 46, PP2/2008.
 9. Syarat asas untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi daripada gaji yang ditawarkan adalah tertakluk kepada kekuatan faktor pertimbangan / justifikasi berserta dokumen sokongan yang lengkap dan diperakukan oleh Ketua Jabatan / pegawai penyelia) yang dikemukakan oleh pemohon dalam surat permohonannya.
 10. Faktor-faktor utama pertimbangan Suruhanjaya adalah:
 - (i) Perjawatan yang sama, pengalaman yang relevan dan bermanfaat demi melancarkan kelangsungan tugas baru beliau di jabatan / agensi yang ditempatkan;
 - (ii) Berasaskan kelayakan gaji yang telah ditetapkan oleh Skim Perkhidmatan yang berkaitan.
 11. Walauapapun, garis panduan dan contoh pengiraan yang dikepil di **LAMPIRAN A** merupakan peraturan umum dan Suruhanjaya akan meneliti permohonan kes-kes khusus secara berasingan, tertakluk kepada justifikasi permohonan yang dikemukakan tersebut .
-

13. Suruhanjaya hanya akan meneliti dan mempertimbangkan permohonan-permohonan lengkap yang diterima daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak **dalam tempoh satu (1) tahun** daripada tarikh lantikan pemohon.

14. Semua dokumen sokongan yang disertakan hendaklah diperakukan oleh Ketua Jabatan berserta ulasan sokongannya.

KEPUTUSAN PERMOHONAN

15. Sekiranya terdapat rayuan ke atas keputusan Suruhanjaya, hanya satu (1) kali sahaja permohonan rayuan boleh dipertimbangkan semula **dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat keputusan permohonan** dengan syarat rayuan tersebut disertakan bersama justifikasi tambahan yang jelas dan berasas.

16. Keputusan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya adalah **MUKTAMAD**.

TARIKH KUATKUASA

17. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2016.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI JAMRY BIN HAJI SURY)

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tarikh: **11** Mac 2016